

MAKLUMBALAS ADUAN MELALUI HARIAN METRO BERTARIKH 3 MEI 2015

Aduan daripada MINANGJATI melalui akhbar Harian Metro di ruangan iM Lapor pada 3 Mei 2014 adalah dirujuk.

Terlebih dahulu Jabatan ini mengucapkan terima kasih di atas maklumbalas yang diutarakan oleh **MINANGJATI** mengenai Pengarah Politeknik Nilai yang dikatakan '**Bersikap Pandang Sebelah Mata Kepada Staf Bawahan**'. Namun setelah di teliti dan diselidiki adalah di dapati maklumbalas itu terlalu umum tanpa menyatakan dengan lebih jelas perkara yang dimaksudkan. Apatah lagi berdasarkan siasatan yang dilakukan di dapati Politeknik Nilai telah menyediakan pelbagai saluran melalui pelbagai medium yang ada bagi mendapatkan maklumbalas daripada staff bawahan dan pelajar mengenai pengurusan di Politeknik Nilai termasuk pengarahnya.

Antara saluran yang disediakan adalah, Perhimpunan Bulanan yang dihadiri oleh semua warga kerja Politeknik Nilai, Mesyuarat Pengurusan, Mesyuarat Keutuhan melalui Jawatankuasa Keutuhan, penggunaan Peti Aduan Pelanggan dan ruangan aduan@pertanyaan di portal rasmi Politeknik Nilai. Pelbagai saluran ini menunjukkan keprihatinan pengurusan Politeknik Nilai dalam memastikan tiada kelompok warga kerja atau pelajar di Politeknik Nilai yang tercicir atau berhadapan masalah untuk mengutarakan sebarang idea, masalah mahupun pendapat kepada pihak pengurusan Politeknik Nilai termasuk pengarahnya.

Warga kerja Politeknik Nilai juga didapati sentiasa di raikan untuk perkahwinan dan kelahiran bayi baru melalui pemberian hadiah semasa perhimpunan bulanan. Muafakat dan kerjasama Antara warga kerja juga dilihat melalui pengajuran program sahur dan majlis berbuka puasa yang dihadiri oleh semua staff dan pelajar. Bagi warga kerja yang berpindah keluar maka majlis perpisahan bagi mengenang sumbangan warga kerja tersebut turut diadakan. Didapati e-mail terima kasih juga dihantar oleh pengarah sebagai tanda penghargaan kepada warga kerja apabila mendapat pengiktirafan seperti kejayaan mendapat ranking 5 star dalam pertandingan web kebangsaan, kejayaan pengajuran simposium, majlis perasmian Politeknik dan Program Penghayatan Ramadhan dan sebagainya

Pelbagai usaha telah dan sentiasa dilakukan agar keharmonian di antara pihak pengurusan dan pihak pekerja terjaga serta sentiasa subur untuk kebaikan dan keceriaan kerja semua warga di Politeknik Nilai. Sehubungan itu Jabatan ini berharap kekeruhan yang timbul akibat salah faham ini dapat dijernihkan. Jabatan ini bersedia untuk mendengar maklumbalas susulan dari **MINANGJATI** sekiranya ada dan boleh disalurkan terus ke e-mail yusrizal.yunan@moe.gov.my untuk penelitian dan tindakan lanjut Jabatan ini.

Sekian, terima kasih.

Jabatan Pengajian Politeknik
Kementerian Pendidikan Malaysia